

30 DEC 2002

Mahathir-Selamat

M'SIA TERUS SELAMAT ADALAH PENCAPAIAN UTAMA 2002, KATA PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 30 Dis (Bernama) -- Keupayaan Malaysia membuktikan kepada dunia ia sebuah negara selamat dan sekaligus menangkis segala ramalan buruk terhadapnya, menjadi antara pencapaian negara yang dibanggakan sepanjang tahun 2002, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata rakyat juga boleh berbangga dengan kemampuan negara memajukan ekonominya sepanjang tahun lepas.

"Bagi 2003 (nanti), yang utama bagi Malaysia ialah menjaga keamanan dalam negara. Kita juga perlu berusaha meningkatkan kejayaan ekonomi dan sudah tentu kita perlu bersiap sedia jika ada sesuatu yang tidak diinginkan berlaku dalam negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di sini hari ini selepas rakaman perutusan tahun baru 2003 oleh RTM ketika ditanya tentang penilaian beliau mengenai pencapaian negara sepanjang 2002 dan harapan untuk tahun seterusnya.

Beliau berkata kerajaan akan terus memberi perhatian kepada masalah dalam negara seperti isu berkaitan pelajaran, yang menurutnya, dipermainkan oleh pihak pembangkang.

Sebab itulah kerajaan tidak lagi memberi bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat kerana ia tidak mengajar murid mengenai agama yang sebenar tetapi sebaliknya menghasut mereka membenci kerajaan, kata Perdana Menteri.

"Tidak ada sebab kenapa kita harus bantu mereka yang apabila membesar tidakpun tahu bagaimana bersyukur dan berterima kasih," katanya.

Dr Mahathir juga menegur tindakan pihak atau kumpulan tertentu yang membuat tuntutan tidak munasabah, umpamanya membuat bantahan berhubung soal pelupusan sampah.

Merujuk kepada demonstrasi penduduk Broga di Semenyih yang tidak mahu insinerator pelupusan sampah ditempatkan di kawasan mereka, beliau berkata tidak ada siapa yang mahu tempat pelupusan sampah berada dekat dengan mereka.

"Kalau kita tak boleh buang sampah (di tempat yang dikhaskan), kita terpaksa tinggalkan sampah yang dibuat oleh rakyat di tempat mereka sendiri, di rumah mereka, kerana tidak ada tempat lain untuk kita lupuskan sampah.

"Janganlah rakyat complen kenapa sampah tidak dikutip kerana kita tak ada tempat nak melupuskan sampah, tak boleh bakar, tak boleh simpan, tak boleh buat apa-apa, jadi kita tinggal (sampah) di situ."

Menyentuh tahap perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia, Dr Mahathir berkata tidak timbul sebarang masalah dalam hal ini seperti yang dilihat sewaktu musim perayaan.

"Kita dapat lihat ini terutama dalam sambutan perayaan Aidilfitri (kebangsaan) di Jitra dan (Krismas) di Melaka. Hampir 200,000 orang berkumpul dalam keadaan aman dan tenang, tidak ada keganasan oleh sesiapa," katanya.

Ditanya sama ada hasratnya melepaskan jawatan Perdana Menteri perlu dicontohi pemimpin parti komponen Barisan Nasional lain yang seangkatan dengannya bagi memberi peluang kepada golongan pelapis, beliau berkata: "Itu terpulang kepada merekalah. Saya tak suruh apa yang saya buat diturut oleh semua orang."

-- BERNAMA

MAM SHO MAI